

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**RETREAT DAN MAJLIS APRESIASI  
WARGA ANGKASA PAHANG TIMUR 2023**

**9 DISEMBER 2023 (SABTU)**

# ANCASA ROYALE, PAHANG

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum W.B.T., Salam  
Sejahtera,  
Salam Malaysia Madani, Salam  
Perpaduan dan Salam koperasi,

Salutasi oleh penganjur

# Para Hadirin Hadirat Yang Dihormati Sekalian

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya pada hari ini kita semua dapat berkumpul bersama dalam **PROGRAM RETREAT DAN MAJLIS APRESIASI WARGA ANGKASA PAHANG TIMUR 2023**

2. Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Pahang Timur kerana telah berjaya menganjurkan retreat dan majlis apresiasi ini. Saya difahamkan perbincangan transformasi telah diadakan awal hari ini dan saya

berharap ianya mencapai objektif pengnjukan program yang akan berjalan selama dua hari ini.

3. Tahun 2023 telah menjadi saksi kepada kecemerlangan dan sumbangan yang telah dilaksanakan oleh kita semua dan juga JPAN Pahang Timur dalam mengemudi kemajuan dan pembangunan gerakan koperasi di negeri ini. Segala gerak kerja

dilaksanakan bukan sahaja mencerminkan tanggungjawab, tetapi juga keazaman teguh dalam menjayakan setiap langkah dengan penuh komitmen.

4. Seiring dengan misi dan ANGKASA, kita telah berjaya mencapai matlamat untuk meningkatkan peranan

organisasi ini dalam gerakan koperasi. Transformasi yang sedang dirangka dan bakal dilaksanakan bakal menjadi landasan yang kukuh untuk menghadapi cabaran yang lebih besar pada tahun yang akan datang.

5. Majlis apresiasi ini bukan sekadar perkumpulan sesama kita, tetapi merupakan wadah untuk mencari kesepakatan dan membina semula

pasukan ke arah matlamat yang lebih cemerlang. Kita mahu pastikan langkah strategik dapat disusun dalam memastikan ANGKASA Pahang Timur kekal memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembangunan

koperasi dan perniagaan untuk tahun seterusnya.

6. Pada hari ini ANGKASA juga mengambil kesempatan untuk menghargai wakil agensi termasuklah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) serta koperasi yang turut serta dalam perjalanan memajukan koperasi di negeri ini. ANGKASA mengucapkan jutaan terima kasih atas sokongan dan berharap kerjasama yang terjalin akan

terus diperkukuh dan dikekalkan.

## **Para Hadirin Hadirat Yang Dihormati Sekalian.**

7. Selaras dengan UUK ANGKASA  
Perkara 45 dimana pada tahun 2024  
semasa Mesyuarat Agung Tahunan

(MAN) Pahang Timur yang akan diadakan pada 27 Februari 2023, Semua Anggota JPAN akan mengosongkan keanggotaannya dalam Jawatankuasa Perhubungan Negeri dimana semua Anggota JPAN akan gugur secara serentak pada pemilihan tahun 2024.

8. Oleh itu, majlis pada malam ini meraikan semua Warga ANGKASA

Negeri Pahang Timur samada  
Pengerusi, Anggota JPAN,  
Jawatankuasa Kecil Sektor khususnya  
Warga Kerja ANGKASA Pahang Timur

yang telah menyumbangkan usaha  
dan tenaga di dalam menjayakan  
semua program, aktiviti dan  
pencapaian KPI -JPAN bagi tahun 2023.

9. Saya yakin dengan semangat kebersamaan dan tekad yang tinggi, kita akan terus menjadikan ANGKASA Pahang Timur sebagai peneraju dalam pembangunan koperasi di peringkat negeri.
  
10. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada setiap individu yang telah menyumbangkan

tenaga dan usaha sepanjang tahun 2023. Majlis ini adalah bukti penghargaan kepada semua Warga

ANGKASA Pahang Timur yang telah menjadikan organisasi ini kekal relevan sebagai peneraju kecemerlangan gerakan koperasi. Semoga ANGGKASA Pahang Timur mampu untuk memberi

sumbangan yang lebih besar dalam pembangunan koperasi dan perniagaannya pada tahun-tahun akan datang.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **RETREAT DAN MAJLIS APRESIASI WARGA ANGKASA PAHANG TIMUR 2023**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum  
Wabarakatuh.

Warahmatullahi